

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PSP.BPM.800-2/6/4 ()

Tarikh : 2 Mei 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENILAIAN AMALAN KAMPUS LESTARI DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan program 'Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau' pada 25 Mei 2017 bertempat di Universiti Putra Malaysia. Antara program yang akan dimasukkan semasa konvensyen berlangsung adalah Pengiktirafan Kelestarian Kampus Hijau kepada Universiti Awam dan Anugerah Kursi Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang akan disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN).

3. Bersama-sama ini dilampirkan surat yang telah dihantar kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 28 April 2017 dan penilaian kriteria penilaian untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.


4. Lawatan pegawai penilai daripada SWCorp akan bermula daripada 4 Mei sehingga 10 Mei 2017. Lawatan pegawai penilai adalah berdasarkan taklimat yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dan menilai dilapangan. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan digalakkan memberi dokumen dan gambar-gambar bagi menyokong dan memudahkan ahli panel penilai untuk membuat penilaian.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan program ini boleh menghubungi Encik Zulkarnain bin Khairuddin di talian 019-3025196. Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(HAJAH FATIMAH BINTI HAJI AHMAD)

b.p.: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal)

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)